

'Coffee Table Book' Kesumba dilancar 22 Oktober ini

UB 01.10.2021 P. 02

KOTA KINABALU: Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita Universiti Malaysia Sabah (Kesumba) bakal melancarkan 'Coffee Table Book' 22 Oktober ini, sempena sambutan 25 tahun Jubli Perak kelab berkenaan.

Yang Dipertua Kesumba, Dr Amalina berkata ia dilancarkan secara e-book menampilkan segala aktiviti sejak penubuhan kelab pada 19 Oktober 1996.

"Majlis kali ini akan diadakan secara tayangan montaj 'Dirgahayu Kesumba Meniti 25 Tahun Mengukir Jasa Maju Sehati' dan akan dirasmikan oleh isteri Yang Dipertua Negeri, Toh Puan Norlidah R.M Jasni melalui laman sesawang utama Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan facebook.

"Selain itu, satu ceramah khas bersama Dr Fauziah Mohd Hasan juga akan diadakan bagi memberikan suntikan motivasi kepada wanita-wanita di UMS," katanya.

Beliau ditemui media se-



KENANGAN: Toh Puan Norlidah (dua kiri) menerima cendera kenangan daripada Amalina (tiga kanan) ketika mengadakan kunjungan ke Istana Seri Kinabalu.

lepas kunjungan hormat terhadap Toh Puan Norlidah di Istana Seri Kinabalu, pada Khamis.

Tambah beliau, penceramah jemputan merupakan

sukarelawan yang mendapat anugerah dunia dalam sumbangan terhadap Palestin.

Turut sama dalam kunjungan itu ialah Timbalan Yang Dipertua, Dr Suraya Sintang,

Setiausaha, Stella @ Nurul Martini Gontol, Bendahari, Silawati Khamis dan Ketua Biro Kebudayaan dan Kesenian, Lydia Hurgerty Felix. — Penerangan